

Penjaja disaran ambil insurans berkelompok

KUANTAN 27 Mac - Setiap persatuan penjaja disaran mengambil skim insurans berkelompok bagi menjaga kebajikan ahlinya sebagai persediaan jika berlaku perkara yang tidak diingini seperti kemalangan atau kematian.

Penasihat Gagasan Pendidikan Melayu Pahang, Datuk Seri Ab. Hamid Mohd. Nazahar berkata, kepentingan insurans tersebut perlu dijelaskan secara terperinci kepada para penjaja kerana ia melibatkan sejumlah wang yang perlu dibayar setiap bulan.

"Saya mencadangkan persatuan memikirkan kaedah yang terbaik bagi melindungi ahli-ahli apabila ditimpa kemalangan sehingga menyebabkan kematian atau hilang upaya.

"Sekurang-kurangnya nasib ahli atau waris akan terbela. Walaupun ia bukan satu perkara yang mudah tetapi adalah yang terbaik untuk mereka bagi jangka masa panjang," katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas merasmikan Mesyuarat Agung Dwi-tahunan Kali Ke-13 Persatuan Peniaga Pasar Lambak Kuantan (PPPLK) di sini hari ini.

Yang hadir sama Pengerusi PP-



AB. HAMID MOHD. NAZHAR (dua dari kiri) beramah mesra dengan sebahagian penjaja selepas merasmikan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Kali ke-13 Persatuan Peniaga Pasar Lambak Kuantan (PPPLK) di Dewan Jubli Perak, Kuantan, Pahang, semalam.

UTUSAN MALAYSIA 28/3/17

PLK, Mohd. Zohari Mohd. Mokhtar.

Ab. Hamid turut mencadangkan persatuan itu menganjurkan Hari Penjaja Pasar Lambak bersama agensi berkaitan seperti Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional, Amanah Ikh-tiar Malaysia (AIM), Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK).

"Setiap penjaja mahukan peningkatan dalam perniagaan dan kemajuan dalam hidup.

"Menerusi penganjuran program sedemikian, saya harap mereka dapat maklumat dan saluran tepat untuk melakukan lonjakan dalam perniagaan dari segi latihan serta bantuan kewangan," ujarnya.